

Bil. S 17

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM, 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN MODAL AUTORITI

3. Penubuhan Autoriti.
4. Matlamat Autoriti.
5. Pejabat dll. Autoriti.
6. Modal Autoriti.
7. Dana Rizab dan akaun rizab.
8. Keuntungan, kerugian dan perolehan boleh agih.
9. Peruntukan perolehan boleh agih.
10. Perlindungan kekurangan modal.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN AUTORITI

11. Lembaga pengarah.

12. Lantikan pengarah.
13. Lantikan pengarah urusan.
14. Timbalan pengarah urusan.
15. Pembatalan kelayakan pengarah.
16. Kekosongan jawatan pengarah.
17. Mesyuarat dan keputusan lembaga.
18. Kepentingan pengarah dalam hal perkara keputusan atau kontrak hendaklah diberitahu.
19. Percanggahan kepentingan dan kewajipan fidusiari.
20. Lantikan jawatankuasa dan perwakilan kuasa.
21. Jawatankuasa Audit.
22. Ketua Audit Dalaman.
23. Kewajipan-kewajipan Ketua Audit Dalaman.
24. Lantikan pekerja.
25. Skim galakan.
26. Manfaat persaraan.
27. Kekebalan Autoriti, pengarah dan pekerja dll.
28. Ganjaran tidak boleh dikaitkan dengan keuntungan.
29. Penyimpanan rahsia.
30. Aktiviti yang dilarang.
31. Piawaian pentadbiran yang baik.
32. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dll.
33. Arahan atau peraturan untuk melaksanakan obligasi antarabangsa Kerajaan.
34. Arahan atau peraturan untuk mencegah pembersihan wang haram dan pembentukan pengganasan.

35. Kakitangan kerajaan.

BAHAGIAN IV

TUGAS, KUASA DAN KEWAJIPAN AUTORITI

36. Tugas, kuasa dan kewajipan Autoriti.
37. Membuka akaun.
38. Kemudahan penjagaan dan pejabat pendaftaran.
39. Pasaran terbuka dan operasi kredit.
40. Rizab minimum.
41. Instrumen lain kawalan monetari.
42. Tugas-tugas penyeliaan.
43. Kemudahan sistem pembayaran.
44. Pelesenan dan pengawasan sistem pembayaran.
45. Pengumpulan statistik dan maklumat.
46. Memberikan statistik dan maklumat.
47. Penyebaran statistik dan maklumat.
48. Penerbitan.

BAHAGIAN V

HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN

49. Autoriti sebagai jurubank kepada Kerajaan.
50. Larangan ke atas pemberian pinjaman kepada Kerajaan.
51. Kerjasama dengan Kerajaan.

BAHAGIAN VI

HUBUNGAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN

52. Pemberi pinjaman terakhir.
53. Pemberian pinjaman kecemasan.
54. Kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada bank dan institusi kewangan.
55. Penjelasan dan penyelesaian baki di antara bank dan institusi kewangan.

BAHAGIAN VII

PEMINDAHAN TUGAS, KUASA, KEWAJIPAN, PEKERJA, ASET DAN LIABILITI

56. Kuasa Autoriti untuk menjalankan tugas dan kuasa di bawah undang-undang bertulis tertentu.
57. Pemindahan pekerja.
58. Pemindahan aset dan liabiliti.
59. Kontrak sedia ada.

BAHAGIAN VIII

AM

60. Tahun kewangan dan piawaian perakaunan Autoriti.
61. Audit.
62. Penyediaan dan penyiaran penyata kewangan dan laporan tahunan.
63. Belanjawan.
64. Hak keutamaan.
65. Kekebalan semua aset yang diurus oleh Autoriti.
66. Kuasa untuk melantik wakil.
67. Kesahan perbuatan dan transaksi Autoriti.
68. Jaminan oleh Kerajaan.

69. Pesalah korporat dan persatuan yang tidak diperbadankan.
70. Pendakwaan kesalahan.
71. Perwakilan Autoriti dalam prosiding sivil.
72. Bidang kuasa.
73. Kesan utama.
74. Komposisi kesalahan.
75. Bayaran yang dipungut hendaklah dibayar ke dalam dana Autoriti.
76. Pindaan Jadual.
77. Peraturan-peraturan.
78. Kuatkuasa Perintah ini tidak menjejaskan S 16/2004.
79. Pindaan berbangkit dan berkaitan kepada undang-undang bertulis lain.

JADUAL PERTAMA — SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS

JADUAL KEDUA — PINDAAN BERBANGKIT DAN BERKAITAN KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM, 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2011.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Autoriti Monetari Brunei Darussalam untuk bertindak sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam, untuk merumuskan dan melaksanakan dasar monetari, untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai penyusunan monetari dan untuk menyelia institusi-institusi kewangan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepadanya tugas-tugas dan aset-aset lain yang tertentu Kerajaan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersimpangan dengannya”.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh bab 3(1);

“bank” bermakna —

(a) berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam, sesebuah bank yang dilesenkan di bawah bab-bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006), sesebuah bank antarabangsa yang dilesenkan di bawah bab 7 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000) dan sesebuah bank Islam yang dilesenkan di bawah bab-bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);

(b) berkenaan dengan mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Negara Brunei Darussalam, seseorang yang menjalankan perniagaan secara sah di dalamnya yang bersamaan seluruhnya, sebagiannya atau pada amnya dengan "perniagaan perbankan" sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006) atau dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000); dan termasuk perniagaan perbankan Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);

"lembaga" bermakna lembaga pengarah Autoriti yang ditubuhkan oleh bab 11(1);

"pengarah" bermakna seseorang pengarah lembaga yang dilantik di bawah bab 12(1);

"institusi kewangan" bermakna —

(a) mana-mana penanggung insurans yang didaftarkan di bawah Perintah Insurans, 2006 (S 48/2006) atau Perintah Takaful, 2008 (S 100/2008) atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002);

(b) mana-mana syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan (Penggal 89);

(c) mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000), Perintah Dana Bersama, 2001 (S 18/2001), Perintah Sekuriti, 2001 (S 31/2001) atau Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002);

(d) mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan apa-apa perniagaan menukar wang atau perniagaan kiriman wang di bawah Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Penggal 174);

(e) orang lain yang dilesenkan, dibenarkan atau dikawalselia oleh Autoriti di bawah sebarang undang-undang bertulis;

"pengarah urusan" bermakna pengarah yang dilantik sebagai pengarah urusan di bawah bab 13(1);

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"Dana Rizab" bermakna dana rizab yang akan ditubuhkan di bawah bab 7(a).

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN MODAL AUTORITI

Penubuhan Autoriti.

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan Autoriti yang dikenali sebagai Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

(2) Autoriti adalah suatu badan korporat yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dengan kuasa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, untuk memperolehi dan melupuskan harta dan untuk mendakwa dan didakwa atas nama badan korporatnya.

(3) Semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki meterai Autoriti hendaklah —

(a) dimeterai dengan meterai biasa Autoriti, dengan kebenaran Autoriti di hadapan pengarah urusan dan orang lain yang telah diberi kuasa oleh Autoriti untuk bertindak bagi maksud itu; dan

(b) ditandatangani oleh pengarah urusan dan oleh orang yang telah diberi kuasa itu, dan penandatanganannya adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Autoriti telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai biasa Autoriti.

(4) Autoriti boleh dengan resolusi atau pun selainnya melantik seorang pegawai Autoriti atau mana-mana orang lain sama ada pada amnya atau dalam hal tertentu untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Autoriti apa-pa perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterainya berkenaan dengan apa-pa perkara yang termasuk di bawah kuasa-kuasa Autoriti.

(5) Bagi meneruskan matlamat-matlamatnya dan melaksanakan tugas-tugasnya, Autoriti hendaklah berautonomi dan bertanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah ini.

Matlamat Autoriti.

4. (1) Matlamat-matlamat utama Autoriti adalah —

(a) untuk mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik;

(b) untuk memastikan kestabilan sistem kewangan, terutamanya dengan merumuskan peraturan kewangan dan piawaian berhemat;

(c) untuk membantu dalam mengadakan dan berfungsinya sistem pembayaran yang cekap dan untuk mengawasinya; dan

(d) untuk menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.

(2) Tanpa menjaskan matlamat-matlamat utama yang tersebut di atas, Autoriti hendaklah menyokong dasar-dasar ekonomi am Kerajaan setakat mana yang dianggapnya bersesuaian.

Pejabat dll. Autoriti.

5. (1) Autoriti hendaklah mempunyai ibu pejabatnya di Negara Brunei Darussalam.

(2) Autoriti boleh membuka cawangan dan melantik ejen dan koresponden di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

Modal Autoriti.

6. (1) Modal yang dibenarkan Autoriti adalah \$2,000,000,000.

(2) Modal berbayar Autoriti adalah \$1,000,000,000.

(3) Bahagian berbayar dari modal yang dibenarkan boleh ditambah dengan suatu amaun sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri dan, tertakluk kepada ceraian (4), Kerajaan hendaklah menyumbang dan membayar amaun tambahan itu kepada Autoriti.

(4) Pembayaran tambahan itu dalam modal yang dibenarkan boleh dibuat dengan cara lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Kerajaan, setelah berunding dengan lembaga.

Dana Rizab dan akaun rizab.

7. Autoriti hendaklah menubuhkan dana rizab yang berikut —

(a) Dana Rizab yang tidak akan digunakan kecuali bagi tujuan melindungi kerugian yang ditanggung oleh Autoriti;

(b) dana rizab penilaian matawang yang akan digunakan untuk memasukkan laba dan kerugian yang direalisasikan dan tidak direalisasikan yang timbul dari kedudukannya dengan matawang asing;

(c) dana rizab penilaian pasaran yang akan digunakan untuk memasukkan laba dan kerugian yang tidak direalisasikan yang timbul dari kedudukannya dengan emas, instrumen kewangan dan aset lain; dan

(d) dana lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti.

Keuntungan, kerugian dan perolehan boleh agih.

8. (1) Keuntungan atau kerugian bersih yang ditentukan oleh Autoriti hendaklah menepati dengan piawaian perakaunan yang digunakan oleh Autoriti.

(2) Perolehan yang tersedia ada untuk diagihkan di bawah bab 9 hendaklah ditentukan —

(a) jika keuntungan termasuk laba penilaian matawang asing yang direalisasikan dan tidak direalisasikan, dengan memotong amaun laba tersebut dari keuntungan bersih dan memasukkan amaun itu ke dalam dana rizab penilaian matawang;

(b) jika keuntungan termasuk kerugian penilaian matawang asing yang direalisasikan dan tidak direalisasikan, dengan memasukkan balik kerugian tersebut ke dalam keuntungan bersih dan memotong amaun itu dari dana rizab penilaian matawang setakat mana terdapat dana kredit yang tersedia ada dalam dana rizab penilaian matawang untuk melindungi kerugian tersebut;

(c) jika keuntungan termasuk laba penilaian yang tidak direalisasikan pasaran, dengan memotong amaun laba tersebut dari keuntungan bersih dan memasukkan amaun itu ke dalam dana rizab penilaian pasaran;

(d) jika keuntungan termasuk kerugian penilaian yang tidak direalisasikan pasaran, dengan memasukkan balik kerugian tersebut ke dalam keuntungan bersih dan memotong kerugian tersebut dari dana rizab penilaian pasaran setakat mana terdapat dana kredit yang tersedia ada dalam dana rizab penilaian pasaran untuk melindungi kerugian tersebut.

Peruntukan perolehan boleh agih.

9. (1) Dalam masa 3 bulan selepas penghujung setiap tahun kewangan Autoriti, Autoriti hendaklah memperuntukkan perolehan boleh agih seperti berikut —

(a) jika jumlah baki modal berbayar dan Dana Rizab adalah kurang dari 20 peratus daripada jumlah aset pada penghujung tahun kewangan, 10 peratus dari keuntungan boleh agih hendaklah dipindahkan ke Dana Rizab sehingga paras 20 peratus itu dipenuhi;

(b) jika jumlah baki modal berbayar dan Dana Rizab adalah lebih besar dari 20 peratus daripada jumlah aset, 30 peratus dari keuntungan boleh agih hendaklah dipindahkan ke Dana Rizab dan baki 70 peratus hendaklah dipindahkan kepada Kerajaan.

(2) Pengagihan tidak boleh dibuat dari pendapatan semasa Autoriti kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh ceraian (1).

(3) Jika dalam mana-mana tahun kewangan Autoriti menanggung perolehan boleh agih negatif, perolehan ini hendaklah terlebih dahulu dikenakan kepada Dana Rizab dan kemudiannya dilindungi dengan modal.

Perlindungan kekurangan modal.

10. Jika dalam penyata kewangan tahunan beraudit Autoriti, nilai asetnya jatuh di bawah jumlah liabiliti monetarinya dan modal terbitan tidak terjeasnya, maka —

(a) Autoriti, dengan nasihat juruaudit luar Autoriti, hendaklah menilai keadaan tersebut dan menyediakan suatu laporan mengenai sebab-sebab dan takat kekurangan itu dan menilai keadaan tersebut dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari;

(b) jika Autoriti meluluskan laporan itu, Autoriti hendaklah meminta Kerajaan bagi sumbangan modal yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk mengembalikan kedudukan modal bersih kepada amaun asal modal terbitan; dan

(c) selepas menerima permintaan yang disebut dalam perenggan (b), Kerajaan hendaklah, dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari, memindahkan kepada Autoriti amaun yang diperlukan dalam matawang atau dalam sekuriti boleh niaga dengan kematangan tertentu yang diterbitkan pada kadar pasaran yang terpakai di Negara Brunei Darussalam sebagai sumbangan modalnya.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN AUTORITI

Lembaga pengarah.

11. (1) Hendaklah ada lembaga pengarah Autoriti yang akan bertanggungjawab bagi merumuskan dasar-dasar Autoriti, menyelia perlaksanaannya dan pentadbiran am urusan dan perniagaan Autoriti.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada —

(a) seorang pengurus;

(b) seorang timbalan pengurus; dan

(c) tidak kurang dari 4 dan tidak lebih dari 7 orang pengarah lain.

(3) Pengarah-pengarah itu hendaklah dilantik daripada kalangan orang-orang yang mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang ekonomi, undang-undang, kewangan atau perbankan.

(4) Tanpa menjaskan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan kecuali sebagaimana yang dinyatakan selainnya dalam Perintah ini —

(a) autonomi Autoriti hendaklah dihormati pada setiap masa;

(b) pengarah-pengarah lembaga tidak boleh menerima arahan daripada mana-mana orang atau entiti lain termasuk entiti Kerajaan; dan

(c) mana-mana orang atau entiti tidaklah bertujuan untuk mempengaruhi pengarah-pengarah lembaga dalam menjalankan kuasa-kuasa mereka atau untuk campur tangan dalam aktiviti-aktiviti Autoriti.

Lantikan pengarah.

12. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik pengarah-pengarah lembaga.

(2) Pengarah-pengarah itu —

(a) tidak boleh bertindak sebagai wakil dalam lembaga kerana sebarang kepentingan komersil, kewangan, pertanian, perindustrian atau kepentingan lain yang berhubungkait dengan mereka;

(b) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama 3 tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula; dan

(c) hendaklah dibayar oleh Autoriti dari dana Autoriti manfaat dan elaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, tempoh permulaan jawatan pengarah-pengarah yang disebutkan dalam bab 11(2)(c), adalah —

(a) bagi pengarah yang dilantik sebagai pengarah urusan di bawah bab 13(1), 3 tahun;

(b) bagi semua pengarah lain, tempoh-tempoh yang berlainan tidak melebihi dari 3 tahun.

Lantikan pengarah urusan.

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik salah seorang daripada pengarah-pengarah itu sebagai pengarah urusan.

(2) Tanpa menjelaskan bab 36 dan sebarang kuasa lain yang diberikan kepada Autoriti oleh Perintah ini, pengarah urusan adalah ketua eksekutif Autoriti dan hendaklah bertanggungjawab bagi perlaksanaan dasar-dasar Autoriti, pentadbiran hariannya dan perwakilannya.

(3) Pengarah urusan adalah seorang pekerja Autoriti atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa yang diberikan kepada pengarah urusan oleh ceraian (2) dan tanpa menjelaskan bab 20, Autōriti boleh mewakilkan kepada pengarah urusan, di bawah syarat-syarat yang mungkin diputuskan olehnya, semua atau sebarang kuasa yang diberikan kepada Autoriti oleh Perintah ini dan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(5) Pengarah urusan hendaklah bertanggungjawab kepada Autoriti bagi perbuatan dan keputusannya.

(6) Pengarah urusan boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin diputuskan oleh Autoriti, melantik mana-mana pegawai atau pekerja Autoriti, atau membentuk apa-apa jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Autoriti atau kedua-duanya, untuk menjalankan sebarang kuasa yang diberikan kepadanya oleh ceraian-ceraian (2) dan (4), dan pegawai, pekerja atau jawatankuasa itu hendaklah menjalankan kuasa-kuasa itu atau melaksanakan tugas-tugas atau kewajipan-kewajipan itu di bawah arahan dan kawalan pengarah urusan.

(7) Bagi mengelakkan keraguan, pengarah urusan —

(a) hendaklah terus bertanggungjawab bagi perjalanan sebarang kuasa atau bagi perlaksanaan tugas-tugas atau kewajipan-kewajipannya oleh mana-mana pegawai atau pekerja yang dilantik atau oleh mana-mana jawatankuasa yang dibentuk di bawah ceraian (6); dan

(b) hendaklah terus menjalankan kuasa-kuasa atau melaksanakan tugas-tugas atau kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya menurut ceraian-ceraian (2) dan (4), walaupun pengarah urusan mewakilkan kuasa-kuasa itu di bawah ceraian (4) atau perwakilan itu ditamatkan olehnya.

Timbalan pengarah urusan.

14. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, atas sokongan lembaga, melantik timbalan-timbalan pengarah urusan Autoriti dan menetapkan salah seorang daripada timbalan-timbalan pengarah urusan itu sebagai timbalan ketua eksekutif Autoriti bagi tempoh selama 2 tahun.

(2) Timbalan-timbalan pengarah urusan adalah pekerja-pekerja Autoriti atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Tertakluk kepada Perintah ini, seseorang timbalan pengarah urusan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pengarah urusan.

(4) Sekiranya pengarah urusan tiada atau tidak berupaya, timbalan ketua eksekutif hendaklah mempunyai semua kuasa pengarah urusan di bawah bab-bab 13(2) dan (6) melainkan jika diputuskan selainnya oleh Autoriti berkenaan dengan perwakilan di bawah bab 13(4).

Pembatalan kelayakan pengarah.

15. (1) Tiada sesiapa pun boleh dilantik sebagai pengarah atau terus menjadi seorang pengarah Autoriti yang merupakan seorang pengarah atau pegawai bergaji mana-mana bank atau institusi kewangan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah menerima suatu laporan yang disebutkan di bawah ceraian (4), menamatkan lantikan mana-mana pengarah jika dia —

(a) menjadi tidak sempurna akal atau tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya;

(b) telah diisyiharkan menjadi bankrap atau menggantung pembayaran kepada atau menyelesaikan pembayaran kepada pemutang-pemutangnya;

(c) disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran, penipuan atau keburukan akhlak;

(d) bersalah kerana salah laku berat berkenaan dengan kewajipan-kewajipannya;

(e) tidak hadir, tanpa kebenaran, dalam 3 mesyuarat lembaga berturut-turut; atau

(f) gagal mematuhi obligasinya di bawah bab 18(1).

(3) Dalam kes-kes di bawah ceraian (2), Autoriti hendaklah melantik suatu jawatankuasa di bawah bab 20 untuk membuat siasatan yang bersesuaian, termasuk peluang bagi pengarah yang berkenaan itu untuk mempertikaikan keputusan.

(4) Jawatankuasa yang disebut dalam ceraian (3) hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Autoriti yang kemudiannya akan menghadapkannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berserta dengan kesimpulannya.

Kekosongan jawatan pengarah.

16. Sekiranya mana-mana pengarah mati, meletakkan jawatan atau pun selainnya mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh lantikannya, orang lain boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi tempoh selebihnya dari tempoh lantikan pengarah yang digantikannya.

Mesyuarat dan keputusan lembaga.

17. (1) Pengerusi lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat sekerap yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang kerapnya dari sekali dalam setiap 2 bulan.

(2) Pengerusi hendaklah mengadakan mesyuarat dengan seberapa segera yang boleh selepas menerima permintaan daripada sekurang-kurangnya 2 orang pengarah lain.

(3) Mesyuarat lembaga tidak boleh diadakan melainkan jika pengerusi atau timbalan pengerusi hadir.

(4) Dalam setiap mesyuarat lembaga, korum hendaklah terdiri dari kelebihan bilangan pengarah-pengarah yang hadir.

(5) Keputusan hendaklah diterima dengan kelebihan undi pengarah-pengarah yang hadir dan, sekiranya terdapat persamaan undi, pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Tertakluk kepada Perintah ini, lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

(7) Pengerusi boleh melantik mana-mana orang, yang bukan seorang pengarah, untuk menjadi setiausaha kepada lembaga.

sebarang undang-undang bertulis yang lain, kecuali kuasa untuk mewakilkan yang diberikan oleh ceraian ini atau oleh bab 13(4) atau sebarang kuasa lain untuk mewakilkan yang diperuntukkan dalam Perintah ini dan kuasa untuk membuat undang-undang tambahan, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata di bawah sebarang undang-undang bertulis.

(3) Sebarang kuasa yang diwakilkan di bawah ceraian (2) boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa atau pengarah itu, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Autoriti.

Jawatankuasa Audit.

21. (1) Autoriti hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit.

(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang luar yang mempunyai pengalaman profesional yang luas dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada pengarah-pengarah itu adalah bukan penggerusi, timbalan penggerusi atau pengarah urusan.

(3) Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit adalah seorang yang mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang perakaunan dan pengauditan.

(4) Tanggungjawab Jawatankuasa Audit hendaklah termasuk —

(a) mengawasi tugas audit dalaman;

(b) sokongan mengenai lantikan juruaudit luar, skop audit luar dan perkhidmatan lain;

(c) memberikan peluang kepada juruaudit untuk bermesyuarat dan membincangkan dapatan; dan

(d) mengkaji semula dengan juruaudit luar penyata kewangan penghujung tahun.

(5) Autoriti hendaklah menentukan tanggungjawab-tanggungjawab dan syarat-syarat lanjut Jawatankuasa Audit.

(6) Jawatankuasa Audit hendaklah membuat laporan secara berkala kepada Autoriti.

(7) Tertakluk kepada Perintah ini dan sebarang arahan yang diberikan oleh Autoriti bagi maksud itu, Jawatankuasa Audit boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

Ketua Audit Dalaman.

22. (1) Autoriti hendaklah melantik seorang yang mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang perakaunan atau pengauditan sebagai Ketua Audit Dalaman.

(2) Tertakluk kepada Perintah ini, Ketua Audit Dalaman hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti.

(3) Syarat-syarat pekerjaan, termasuk ganjaran, bagi Ketua Audit Dalaman hendaklah ditentukan oleh Autoriti.

(4) Ketua Audit Dalaman hendaklah dilantik bagi tempoh selama 5 tahun dan boleh dilantik semula bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang selanjutnya masing-masing sehingga 5 tahun.

(5) Autoriti boleh memecat Ketua Audit Dalaman hanya atas alasan yang dinyatakan dalam syarat-syarat pekerjaan yang disebut dalam ceraian (3), yang terhad kepada alasan bagi penamatkan lantikan seseorang pengarah olehnya di bawah bab 15(2)/(a) hingga (d).

Kewajipan-kewajipan Ketua Audit Dalaman.

23. Kewajipan-kewajipan Ketua Audit Dalaman hendaklah termasuk —

(a) kajian semula dan sokongan kepada Autoriti dan Jawatankuasa Audit tentang prosedur dan amalan bagi risiko sebenar dan pengurusan yang betul dan selepas itu penyeliaan perlaksanaannya secara berterusan;

(b) perlaksanaan audit berkala tentang pentadbiran dan operasi Autoriti untuk memastikan undang-undang yang dikenakan kepada Autoriti dan keputusan Autoriti dipatuhi dengan sewajarnya;

(c) kajian semula tentang penyata kewangan berkala yang disebut dalam bab 62 dan dokumen-dokumen Autoriti yang berkaitan;

(d) penyediaan dan penyerahan kepada Autoriti, apabila dianggap bersesuaian oleh pengarah urusan, Autoriti atau Jawatankuasa Audit dan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun, laporan dan sokongan berhubung dengan penyata dan rekod kewangan, prosedur belanjawan dan perakaunan, pengurusan risiko dan kawalan lain di dalam Autoriti, kecekapan dan keberkesanannya di mana Autoriti beroperasi, dan apa-apa perkara lain di dalam kompetensi dan bidang tanggungjawabnya di mana suatu laporan boleh diminta oleh pengarah urusan, Autoriti atau Jawatankuasa Audit mengenainya;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(e) apa-apa tugas lain yang mungkin diberikan oleh Autoriti atau Jawatankuasa Audit, dengan syarat bahawa apa-apa tugas itu tidak mengganggu kewajipan-kewajipannya; dan

(f) berhubung dengan juruaudit luar Autoriti.

Lantikan pekerja.

24. (1) Autoriti boleh melantik pekerja-pekerja sebagaimana yang mungkin diputuskannya.

(2) Autoriti boleh menggunakan khidmat penasihat-penasihat sebagaimana yang mungkin diputuskannya.

(3) Bab 11(4) hendaklah dikenakan kepada semua pekerja Autoriti.

Skim galakan.

25. Autoriti boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mengadakan skim galakannya sendiri bagi pekerja-pekerjanya.

Manfaat persaraan.

26. Undang-undang Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan skim manfaat persaraan hendaklah dikenakan kepada pekerja-pekerja Autoriti.

Kekebalan Autoriti, pengarah dan pekerja dll.

27. Tiada tindakan, guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikemukakan terhadap —

(a) Autoriti;

(b) mana-mana pengarah atau pekerja Autoriti;

(c) mana-mana pegawai kerajaan;

(d) mana-mana orang yang dipinjamkan ke atau ditempatkan di Autoriti; atau

(e) mana-mana orang yang dilantik, dibenarkan atau diarahkan untuk menjalankan tugas-tugas Autoriti atau untuk membantu Autoriti dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain,

kerana apa-apa jua yang dilakukan (termasuk sebarang pernyataan yang dibuat) atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati semasa menjalankan atau berhubung dengan —

- (i) perjalanan atau dikatakan pada menjalankan sebarang kuasa di bawah Perintah ini atau undang-undang bertulis yang lain itu;
- (ii) perlaksanaan atau dikatakan pada melaksanakan apa-apa tugas atau kewajipan di bawah Perintah ini atau undang-undang bertulis yang lain itu; atau
- (iii) pematuhan atau dikatakan pada mematuhi Perintah ini atau undang-undang bertulis yang lain itu.

Ganjaran tidak boleh dikaitkan dengan keuntungan.

28. Apa-apa gaji, bayaran, upah atau ganjaran atau elaur lain yang dibayar oleh Autoriti tidak boleh dikira dengan merujuk kepada keuntungan Autoriti.

Penyimpanan rahsia.

29. (1) Kecuali bagi tujuan melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau apabila dikehendaki secara sah untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, tiada sesiapa pun yang menjadi atau pernah menjadi seorang pengarah, pekerja, perunding atau ejen Autoriti boleh mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat berkenaan dengan urusan Autoriti atau mana-mana orang yang telah diperolehnya dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

Aktiviti yang dilarang.

30. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara khusus selainnya oleh Perintah ini, Autoriti tidak boleh —

- (a) memberikan sebarang kredit atau membuat sebarang pemberian monetari atau kewangan yang signifikan;
- (b) melibatkan diri dalam perdagangan, membeli saham mana-mana badan korporat, termasuk saham mana-mana institusi kewangan, atau pun selainnya mempunyai kepentingan pemilikan ke atas apa-apa usaha kewangan, perdagangan, pertanian, perindustrian atau usaha lain; atau

(c) memperolehi dengan pembelian, pajakan atau pun selainnya sebarang hak ke atas atau kepada harta tak alih, kecuali sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi penyediaan premis untuk menjalankan pentadbiran dan operasinya atau kehendak-kehendak yang sama yang bersampingan dengan perlaksanaan kewajipan-kewajipan atau tugas-tugasnya.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), Autoriti boleh —

(a) memberi pinjaman bercagar dengan secukupnya kepada, atau mempunyai saham pemilikan atau pun selainnya mengambil bahagian dalam, mana-mana organisasi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dikehendaki atau berguna bagi melaksanakan dengan sempurna tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Autoriti itu sendiri; atau

(b) memperolehi, dalam masa penyelesaian hutang yang kena dibayar kepadanya, apa-apa kepentingan atau hak yang disebut dalam bab ini; dengan syarat, walau bagaimanapun, bahawa semua kepentingan atau hak yang diperolehi itu hendaklah dilupuskan sebaik sahaja ada peluang yang bersesuaian.

(3) Apa-apa aktiviti yang disebutkan dalam ceraian (2) hendaklah disiarkan oleh Autoriti dalam laporan yang disebut dalam bab 62.

Piawaian pentadbiran yang baik.

31. (1) Autoriti hendaklah menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya dengan saksama dan sama rata menurut amalan pentadbiran yang bijak.

(2) Autoriti tidak boleh menggunakan sebarang kuasa tersebut untuk sesuatu tujuan di mana kuasa tidak diberikan dan tidak boleh menggunakan kuasa melebihi dari kuasa yang dikehendaki untuk mencapai tujuan itu di mana kuasa diberikan.

(3) Keputusan Autoriti hendaklah saksama dan hendaklah didorong hanya dengan tujuan dan pertimbangan rasional.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dll.

32. Autoriti boleh pada amnya berkaitan dengan sebarang peruntukan tertentu Perintah ini, atau pada amnya berkaitan dengan pengendalian mana-mana atau semua bank atau institusi kewangan mengeluarkan garis panduan, surat keliling atau nota sebagaimana yang mungkin dianggapnya dikehendaki.

Arahan atau peraturan untuk melaksanakan obligasi antarabangsa Kerajaan.

33. (1) Autoriti boleh —

(a) mengeluarkan arahan-arahan kepada suatu institusi kewangan atau golongan institusi kewangan; dan

(b) membuat peraturan-peraturan berhubung dengan mana-mana institusi kewangan atau golongan institusi kewangan atau berkenaan dengan aktiviti mana-mana institusi kewangan atau golongan institusi kewangan,

sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti bagi melaksanakan atau memudahkan perlaksanaan apa-apa obligasi yang terikat kepada Negara Brunei Darussalam menurut suatu keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(2) Suatu institusi kewangan yang kepadanya suatu arahan dikeluarkan di bawah ceraian (1)(a) atau yang terikat dengan sebarang peraturan yang dibuat di bawah ceraian (1)(b) hendaklah mematuhi arahan atau peraturan-peraturan tersebut, walaupun sebarang kewajipan lain dikenakan kepada institusi kewangan itu oleh sebarang aturan undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak.

(3) Suatu institusi kewangan tidak boleh dalam melaksanakan apa-apa perbuatan bagi mematuhi sebarang arahan atau peraturan yang dibuat di bawah ceraian (1) disifatkan sebagai melanggar sebarang aturan undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak tersebut.

(4) Suatu institusi kewangan tidak boleh mendedahkan sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1)(a) jika Autoriti memberitahu institusi kewangan itu bahawa Autoriti berpendapat pendedahan arahan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

(5) Suatu institusi kewangan yang —

(a) gagal atau enggan mematuhi suatu arahan yang dikeluarkan kepadanya;

(b) melanggar sebarang peraturan yang dibuat di bawah ceraian (1)(b); atau

(c) mendedahkan suatu arahan yang dikeluarkan kepadanya dengan melanggar ceraian (4), adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000,000.

(6) Dalam bab ini, “institusi kewangan” termasuk —

(a) mana-mana bank; dan

(b) mana-mana orang yang dikecualikan dari dilesenkan, dibenarkan, didaftarkan atau dikawalselia di bawah sebarang undang-undang yang disebut dalam takrifan “institusi kewangan” dan “bank”,

tetapi tidak termasuk orang atau golongan orang sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Autoriti, menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini.

Arahan atau peraturan untuk mencegah pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan.

34. (1) Autoriti boleh mengeluarkan arahan-arahan atau membuat peraturan-peraturan berhubung dengan mana-mana institusi kewangan atau golongan institusi kewangan sebagaimana yang dianggap perlu oleh Autoriti bagi mencegah pembersihan wang haram atau bagi mencegah pembiayaan pengganasan.

(2) Suatu institusi kewangan yang gagal atau enggan mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) atau melanggar sebarang peraturan yang dibuat di bawah ceraian itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$100,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(3) Dalam bab ini, “institusi kewangan” mempunyai makna sama seperti dalam bab 33(6).

Kakitangan kerajaan.

35. Pengarah-pengarah, termasuk pengarah urusan, dan semua pekerja Autoriti hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

BAHAGIAN IV

TUGAS, KUASA DAN KEWAJIPAN AUTORITI

Tugas, kuasa dan kewajipan Autoriti.

36. (1) Dalam melaksanakan matlamat-matlamatnya, Autoriti boleh menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang berikut —

- (a) bertindak sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam, termasuk pengendalian dasar monetari, pengeluaran matawang Negara Brunei Darussalam, pengawasan sistem pembayaran dan menjadi jurubank kepada dan ejen kewangan Kerajaan;
- (b) mengurus rejim pengawalseliaan kadar pertukaran, terutamanya dengan membuat penyusunan pertukaran asing, tanpa menjelaskan matlamat-matlamat utama Autoriti dan selepas berunding dengan Kerajaan;
- (c) menentukan, jika berkenaan, syarat-syarat pekerjaan ejen-ejen Autoriti, termasuk penerima-penerima bank dan institusi kewangan, juruaudit dan koresponden;
- (d) menentukan syarat-syarat pekerjaan kakitangan Autoriti, termasuk lantikan, kenaikan pangkat, kelakuan dan tatatertib mereka dan untuk menentukan syarat-syarat yang dikenakan kepada penasihat-penasihat Autoriti;
- (e) menentukan peringkat nilai dan reka bentuk wang kertas bank, duit syiling dan pengeluaran dan pengendaliannya;
- (f) memegang, mengurus, menggunakan dan melupuskan rizab asing Autoriti;
- (g) mengembangkan dan mengurus sistem dana antara bank dan menetapkan kehendak-kehendak bagi peserta-pesertanya;
- (h) menetapkan prinsip dan prosedur bagi perakaunan dan laporan kewangan bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam dan cawangan-cawangan bank dan institusi kewangan negara atau wilayah asing yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam;
- (i) menubuahkan atau mengambil bahagian dalam penubuhan mana-mana badan korporat atau dalam mana-mana usahasama sebagai pemegang saham atau rakan kongsi atau dalam apa-apa sifat lain, bagi maksud-maksud yang perlu atau mustahak bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya atau mencapai matlamat-matlamatnya;
- (j) melaksanakan apa-apa aktiviti sampingan yang berkaitan dengan perjalanan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain; dan
- (k) menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan lain yang diberikan oleh Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Autoriti hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti yang perlu bagi perlaksanaan tugas-tugas yang dinyatakan dalam ceraian (1) dan bagi perkembangan dan penyelenggaraan infrastruktur yang diperlukan bagi perlaksanaannya.

Membuka akaun.

37. (1) Untuk menjalankan operasi dan aktiviti kewangannya, Autoriti boleh membuka dan menyelenggarakan akaun dalam bukunya bagi —

(a) bank dan institusi kewangan yang dibuat tertakluk kepada penyeliaan Autoriti di bawah bab 42 atau menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, dan entiti awam; dan

(b) bank asing, bank pusat, institusi kewangan antarabangsa dan, jika berkenaan, kerajaan asing, organisasi antarabangsa dan organisasi donor.

(2) Tanpa menjaskan ceraian (1) dan bab 41, Autoriti tidak boleh membuka akaun dalam bukunya bagi individu dan syarikat bukan kewangan dan perusahaan tanpa titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau kebenaran Autoriti.

(3) Autoriti boleh menentukan syarat-syarat bagi membuka suatu akaun dalam bukunya.

(4) Autoriti boleh membuka dan menyelenggarakan akaun tunai dan sekuriti dalam buku —

(a) bank dan institusi kewangan yang dibuat tertakluk kepada penyeliaan Autoriti di bawah bab 42 atau menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain; dan

(b) bank pusat, bank asing, depositori dan organisasi antarabangsa.

Kemudahan penjagaan dan pejabat pendaftaran.

38. (1) Autoriti boleh menyediakan, setelah bayaran yang munasabah dibuat untuk menampung kosnya, kemudahan penjagaan dan pejabat pendaftaran.

(2) Autoriti boleh menetapkan syarat-syarat bagi penyediaan kemudahan penjagaan.

Pasaran terbuka dan operasi kredit.

39. (1) Untuk mencapai matlamat-matlamat Autoriti dan untuk melaksanakan tugas-tugasnya, Autoriti boleh —

(a) beroperasi dalam pasaran kewangan dengan membeli dan menjual dengan bayaran langsung (serta-merta atau hadapan) atau di bawah suatu perjanjian pembelian semula, dan dengan memberi pinjaman atau meminjam tuntutan dan instrumen yang boleh dipasarkan, dan juga logam berharga; dan

(b) menjalankan operasi kredit dengan bank-bank yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, dengan memberi pinjaman berdasarkan kepada kolateral yang mencukupi.

(2) Autoriti hendaklah —

(a) menentukan jenis-jenis instrumen dan aktiviti yang akan digunakan bagi pasaran terbuka dan operasi kredit; dan

(b) mengumumkan syarat-syarat yang dengannya Autoriti sedia membuat transaksi tersebut.

Rizab minimum.

40. (1) Autoriti boleh menghendaki bank-bank untuk memegang rizab minimum atas akaun deposit dengan Autoriti menurut dasar monetarinya.

(2) Rizab yang dikehendaki ini hendaklah sama bagi semua bank bagi setiap kategori liabiliti dan boleh diberikan imbuhan.

(3) Autoriti hendaklah menetapkan cara mengira rizab minimum yang dikehendaki untuk diselenggarakan di bawah ceraian (1).

Instrumen lain kawalan monetari.

41. Autoriti, yang bertindak dengan kesepakatan semua pengaruhnya, boleh memutuskan penggunaan apa-apa cara operasi lain kawalan monetari.

Tugas-tugas penyeliaan.

42. (1) Autoriti hendaklah bertanggungjawab secara eksklusif bagi pengawalseliaan, pelesenan, pendaftaran dan penyeliaan bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud ceraian (1), bab 44(2) hendaklah dikenakan.

(3) Tanpa menjelaskan ceraian (2), bank-bank dan institusi-institusi kewangan hendaklah memberikan kepada Autoriti apa-apa maklumat berhubung dengan operasi dan keadaan kewangannya sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Autoriti.

(4) Autoriti boleh mendedahkan maklumat dan data yang diperolehi di bawah ceraian-ceraian (2) dan (3) seluruhnya atau sebahagiannya dalam bentuk agregat bagi golongan bank dan institusi kewangan yang ditentukan menurut jenis perniagaannya.

Kemudahan sistem pembayaran.

43. (1) Autoriti boleh menyediakan kemudahan, termasuk kredit harian, terhadap sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti, dan peserta-pesertanya, untuk memastikan keselamatan, kekuahan dan keberkesanan sistem tersebut, tanpa menjelaskan perkembangan dan pengurusan sistem dana antara bank di bawah bab 36(1)(g).

(2) Autoriti boleh menyelenggarakan, mengambil bahagian dalam dan mengendalikan sistem yang disebut dalam ceraian (1).

Pelesenan dan pengawasan sistem pembayaran.

44. (1) Autoriti hendaklah bertanggungjawab secara eksklusif bagi pengawalseliaan, pelesenan, dan pengawasan sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti.

(2) Autoriti boleh —

(a) menghendaki pelesenan sebarang sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti dan pengendali sistem tersebut;

(b) menghendaki sebarang sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti dan pengendali sistem tersebut untuk mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Autoriti; dan

(c) mengawalselia dan mengawasi pengeluaran dan kualiti instrumen pembayaran.

(3) Pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Autoriti boleh melawat pejabat-pejabat sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti, dan peserta-pesertanya, untuk memeriksa akaun, buku, dokumen dan rekod lain, untuk mendapatkan maklumat daripadanya, dan untuk mengambil tindakan lain sebagaimana yang dianggap perlu atau lebih baik oleh Autoriti.

(4) Sistem pembayaran, penjelasan dan penyelesaian sekuriti, dan peserta-pesertanya, hendaklah memberikan kepada Autoriti apa-apa maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Autoriti.

{5} Autoriti boleh mendedahkan maklumat dan data yang diperolehi di bawah ceraian {4} seluruhnya atau sebahagiannya dalam bentuk agregat, menurut bab 47.

Pengumpulan statistik dan maklumat.

45. Autoriti, bagi meneruskan matlamat-matlamat tersebut, hendaklah —

(a) memungut, menyusun, menganalisis, mengabstrak dan menerbitkan statistik dan maklumat yang berkaitan dengan perlaksanaan tugas-tugasnya;

(b) menetapkan maklumat statistik yang dikehendaki itu dan bentuk bagaimana maklumat tersebut akan diberikan kepada Autoriti, orang-orang yang tertakluk kepada kehendak-kehendak laporan dan rejim kerahsiaan yang terpakai;

(c) bekerjasama dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dalam memungut, menyusun, dan menerbitkan statistik dan maklumat lain yang berkaitan; dan

(d) menyelaraskan dengan agensi-agensi dua hala dan pelbagai hala penggunaan piawaian penyebaran data antarabangsa dengan tujuan mencapai ketekalan dan kecekapan dalam penyusunan statistik dan maklumat.

Memberikan statistik dan maklumat.

46. (1) Autoriti boleh, pada bila-bila masa, bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini meminta orang atau golongan orang sebagaimana yang mungkin diputuskannya untuk mengumpulkan dan memberikan maklumat statistik sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti dan orang atau golongan orang itu hendaklah mematuhi permintaan itu.

(2) Maklumat statistik yang diterima daripada orang atau golongan orang di bawah ceraian (1) hendaklah dianggap sebagai rahsia di antara mereka dan Autoriti.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi permintaan Autoriti di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

Penyebaran statistik dan maklumat.

47. Autoriti hendaklah mendedahkan statistik dan maklumat, tertakluk kepada bab 45(b).

Penerbitan.

48. (1) Autoriti hendaklah, sekurang-kurangnya dua kali setahun dan pada masa-masa tambahan sebagaimana yang mungkin perlu, memberitahu orang ramai berhubung dengan perjalanan dasar monetarinya, pencapaian matlamatnya dan pandangannya berhubung dengan perubahan sebenar ekonomi.

(2) Autoriti hendaklah, dalam masa 4 bulan selepas penutup tahun kewangannya, menerbitkan suatu laporan, yang dibenarkan oleh lembaga, mengenai keadaan ekonomi dalam tahun sebelumnya, termasuk pandangan terhadap ekonomi bagi tahun mendatang, dengan penekanan kepada matlamat dasarnya dan keadaan sistem kewangan Negara Brunei Darussalam.

(3) Laporan yang disebut dalam ceraian (2) hendaklah juga termasuk kajian semula dan penilaian dasar-dasar Autoriti yang diikuti dalam tahun sebelumnya dan perihalan dan penjelasan tentang dasar-dasar yang akan diikuti dalam tahun berikutnya.

BAHAGIAN V

HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN

Autoriti sebagai jurubank kepada Kerajaan.

49. (1) Autoriti boleh bertindak sebagai jurubank kepada, dan ejen kewangan, Kerajaan.

(2) Jika Autoriti menerima dan membayar wang Kerajaan, Autoriti hendaklah menyimpan akaunnya dan boleh dibayar suatu bayaran agensi bagi perkhidmatannya.

(3) Autoriti boleh bertindak pada amnya sebagai ejen bagi Kerajaan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dipersetujui di antara Autoriti dan Kerajaan jika Autoriti dapat berbuat demikian sesuai dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan dengan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya sebagai autoriti monetari.

Larangan ke atas pemberian pinjaman kepada Kerajaan.

50. Autoriti tidak boleh memberi kredit kepada Kerajaan atau entiti milik Negara dengan syarat tetapi —

(a) Autoriti boleh membeli sekuriti Kerajaan dengan syarat bahawa pembelian tersebut dibuat dalam pasaran sekunder, atas terma-terma dan syarat-syarat pasaran, dan tidak digunakan untuk memintas larangan yang ditetapkan dalam bab ini; dan

(b) peruntukan-peruntukan bab ini tidak boleh dikenakan kepada bank milik awam dan entiti kewangan milik awam lain yang diselia, yang akan diberikan layanan yang sama dengan bank milik swasta dan entiti kewangan milik swasta lain yang diselia.

Kerjasama dengan Kerajaan.

51. (1) Tanpa menjelaskan bab-bab 3(5) dan 11(4) dan bagi meneruskan matlamat-matlamat dan tugas-tugasnya, Autoriti hendaklah mengadakan mesyuarat dengan kerap dengan Kerajaan mengenai dasar-dasar monetari dan fiskal dan perkara-perkara lain yang mempunyai kepentingan bersama, dan Autoriti dan juga Kerajaan hendaklah sentiasa memberitahu sepenuhnya antara satu sama lain mengenai semua perkara yang menyentuh mereka bersama.

(2) Autoriti boleh memberikan nasihat kepada Kerajaan mengenai apa-apa perkara yang, pada pendapatnya, mungkin menyentuh pencapaian matlamat-matlamat Autoriti.

(3) Autoriti hendaklah, atas permintaan Kerajaan, memberikan kepada Kerajaan maklumat berhubung dengan tugas-tugas Autoriti, maklumat tertentu berkenaan dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang diselia hanya boleh diberikan tertakluk kepada sekatan-sekatan untuk menyimpan kerahsiaan sebagaimana yang mungkin dianggap wajar oleh Autoriti.

(4) Kerajaan hendaklah, atas permintaan Autoriti, memberikan kepada Autoriti maklumat dan dokumen-dokumen sebagaimana yang mungkin diminta oleh Autoriti bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya.

(5) Kerajaan boleh berunding dengan Autoriti mengenai sebarang draf undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan matlamat-matlamat atau tugas-tugas Autoriti.

BAHAGIAN VI

HUBUNGAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN

Pemberi pinjaman terakhir.

52. (1) Sebagai tambahan kepada pasaran terbuka dan operasi kredit menurut bab 39, Autoriti boleh, dalam hal keadaan yang luar biasa, atas syarat-syarat sebagaimana yang ditentukannya, bertindak sebagai pemberi pinjaman terakhir kepada sesebuah bank atau institusi kewangan.

(2) Sokongan tersebut boleh dihulurkan dengan memberi bantuan kewangan kepada bank atau institusi kewangan itu, atau untuk faedah bank atau institusi kewangan itu, bagi tempoh tidak melebihi dari 90 hari kalender yang boleh diperbaharui oleh Autoriti berdasarkan kepada suatu program yang

menentukan langkah-langkah pemulihan yang akan diambil oleh bank atau institusi kewangan itu.

(3) Komitmen tersebut tidak boleh dibuat oleh Autoriti di bawah ceraian (2) melainkan jika bank atau institusi kewangan itu, pada pendapat Autoriti, masih berupaya membayar hutang dan dapat memberi kolateral yang mencukupi untuk menyokong pinjaman itu, dan permintaan bagi bantuan kewangan adalah berdasarkan kepada keperluan untuk meningkatkan kecairan.

(4) Autoriti hendaklah menentukan kolateral yang dikehendaki untuk menjamin dengan secukupnya setiap operasi kredit yang disebutkan dalam ceraian (3).

(5) Jika Autoriti mendapati bahawa bank atau institusi kewangan yang dibantu itu belum melaksanakan langkah-langkah pemulihan yang disebutkan dalam ceraian (2), atau bahawa langkah-langkah ini tidak mencapai hasil yang diharatkan, Autoriti hendaklah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian.

(6) Dalam semua hal, kemudahan pinjaman dan kredit yang diberikan di bawah bab ini hendaklah dibayar balik dalam tempoh 180 hari kalendar.

Pemberian pinjaman kecemasan.

53. Autoriti boleh membantu Kerajaan, dengan bertindak sebagai ejen kewangan Kerajaan menurut bab 49, dengan memberikan pinjaman kecemasan kepada sesebuah bank atau institusi kewangan yang tidak berupaya membayar hutang untuk memelihara kestabilan sistem kewangan, melainkan jika pemberian pinjaman tersebut, pada pendapat Autoriti, mengganggu matlamat-matlamat dan tugas-tugasnya.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada bank dan institusi kewangan.

54. (1) Autoriti boleh, jika difikirkannya perlu bagi kepentingan awam, meminta maklumat daripada dan membuat sokongan kepada mana-mana bank atau institusi kewangan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti dan boleh mengeluarkan arahan bagi tujuan memastikan perlaksanaan apa-apa permintaan atau sokongan tersebut.

(2) Sebelum mengeluarkan apa-apa arahan di bawah ceraian (1), bank atau institusi kewangan tersebut hendaklah, melainkan jika Autoriti berkaitan dengan apa-apa arahan tertentu memutuskannya tidak boleh dilaksanakan atau tidak wajar, diberikan peluang untuk membuat pernyataan berhubung dengan arahan yang dicadangkan itu dalam tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Autoriti dalam arahan itu.

(3) Setelah menerima apa-apa pernyataan yang disebut dalam ceraian (2), Autoriti hendaklah menimbangkannya dan boleh —

(a) menolak pernyataan itu; atau

(b) meminda atau mengubahsuai arahan yang dicadangkan itu menurut pernyataan itu, atau pun selainnya,

dan dalam salah satu keadaan, Autoriti hendaklah selepas itu mengeluarkan arahan lanjut secara bertulis kepada bank atau institusi kewangan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, yang menghendaki perlaksanaan arahan yang dicadangkan itu atau perlaksanaan arahan yang dicadangkan itu yang kemudiannya dipinda atau diubahsuai olehnya dalam tempoh masa yang munasabah, dan bank atau institusi kewangan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mematuhi arahan itu.

(4) Mana-mana bank atau institusi kewangan yang gagal atau enggan mematuhi suatu arahan yang dikeluarkan di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000.

Penjelasan dan penyelesaian baki di antara bank dan institusi kewangan.

55. Mana-mana bank atau institusi kewangan hendaklah menjelaskan dan menyelesaikan pembayaran dan transaksi sekuritinya, mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan dengan notis secara bertulis oleh Autoriti.

BAHAGIAN VII

PEMINDAHAN TUGAS, KUASA, KEWAJIPAN, PEKERJA, ASET DAN LIABILITI

Kuasa Autoriti untuk menjalankan tugas dan kuasa di bawah undang-undang bertulis tertentu.

56. (1) Pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, Autoriti hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya yang dinyatakan dalam Perintah ini, menjalankan semua kuasa dan melaksanakan semua tugas dan kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Autoriti di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan Perintah ini yang bertentangan, jika suatu tugas atau kuasa terletakhak pada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut, maka tugas atau kuasa itu hendaklah terus terletakhak demikian dan tidak boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh mana-mana orang lain.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setakat dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mewakilkan kepada Autoriti tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang terletakhak pada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini dikenakan kepada mana-mana jawatan yang berikut —

- (a) Peguam Negara;
- (b) Juruaudit Agung;
- (c) Ketua Hakim;
- (d) Pesuruhjaya Polis;
- (e) Pendakwa Raya;
- (f) Peguamcara Negara.

(5) Autoriti hendaklah diberi tanggungjawab bagi perlaksanaan am undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan bagi perjalanan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada Autoriti oleh undang-undang bertulis itu.

(6) Autoriti boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk membantunya dalam menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, sama ada pada amnya atau dalam hal tertentu.

(7) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri atau mana-mana orang lain di bawah sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah dianggap sebagai suatu keputusan yang dibuat oleh Autoriti.

(8) Apa-apa kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Menteri atau mana-mana orang lain di bawah sebarang undang-undang bertulis dalam Jadual Pertama sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah, setakat mana tidak bertentangan dengan sebarang peruntukan Perintah ini, dianggap sebagai suatu kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Autoriti.

(9) Apa-apa sijil, notis, perintah, arahan atau pengisyiharan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Menteri atau mana-mana orang lain di bawah sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah dianggap sebagai suatu sijil, notis,

perintah, arahan atau pengisytiharan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Autoriti atau seseorang pegawai Autoriti.

(10) Jika dalam apa-apa dokumen yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini berhubungan atau berkaitan dengan sebarang undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, sebarang sebutan dibuat kepada Menteri atau Pihak Berkuasa, maka sebutan itu hendaklah, mulai dari permulaan kuatkuasa Perintah ini, dibaca sebagai Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

(11) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, membuat peruntukan-peruntukan perkecualian atau peralihan yang pada pendapatnya adalah perlu atau mustahak bagi maksud-maksud bab ini.

Pemindahan pekerja.

57. (1) Pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, orang-orang, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, yang bekerja dengan Kerajaan sejurus sebelum permulaan kuatkuasa itu dan sedang menjalankan atau melaksanakan apa-apa tugas yang sama dengan tugas-tugas yang terletakhak pada Autoriti menurut Perintah ini hendaklah dipindahkan ke perkhidmatan Autoriti atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum pemindahan itu.

(2) Sehingga masa apabila syarat-syarat perkhidmatan dinyatakan oleh Autoriti, skim dan syarat-syarat perkhidmatan dalam Kerajaan hendaklah terus dikenakan kepada tiap-tiap orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Autoriti di bawah ceraian (1) seolah-olah dia masih dalam perkhidmatan Kerajaan.

(3) Syarat-syarat yang akan dinyatakan oleh Autoriti hendaklah mengambil kira gaji dan syarat-syarat perkhidmatan, termasuk apa-apa hak mendapat cuti yang terakru, yang dinikmati oleh orang-orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Autoriti di bawah ceraian (1) semasa bekerja dengan Kerajaan.

(4) Apa-apa syarat berkenaan dengan tempoh perkhidmatan dengan Autoriti hendaklah mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan perkhidmatan dengan Kerajaan oleh orang-orang yang dipindahkan di bawah ceraian (1) sebagai perkhidmatan oleh mereka dengan Autoriti.

(5) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Akta Pencen (Penggal 38), pekerja pindahan tidaklah berhak untuk menuntut apa-apa manfaat di bawah Akta itu atas alasan bahawa dia telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan oleh sebab penghapusan jawatan atau penamatan bagi kepentingan awam akibat dari penubuhan Autoriti atau pemindahan pekerja itu ke Autoriti.

Pemindahan aset dan liabiliti.

58. (1) Pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, harta alih, aset, hak, kepentingan dan keistimewaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, berserta dengan apa-apa hutang, liabiliti atau obligasi yang berhubungkait atau bersangkutan dengannya, hendaklah dianggap telah dipindahkan kepada dan terletakhak pada Autoriti tanpa jaminan lanjut.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan atau perkara yang dianggapnya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan ceraian (1).

(3) Jika sebarang persoalan timbul tentang sama ada apa-apa harta alih, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, hutang, liabiliti dan obligasi, telah dipindahkan kepada dan terletakhak pada Autoriti di bawah ceraian (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad mengenai pemindahan dan letakhak tersebut.

Kontrak sedia ada.

59. Semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan penyusunan yang ada sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini berkenaan dengan pekerja-pekerja yang dipindahkan di bawah bab 57 atau aset dan liabiliti yang dipindahkan di bawah bab 58 di mana Kerajaan menjadi suatu pihak hendaklah terus berkuatkuasa pada dan selepas permulaan kuatkuasa itu dan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap Autoriti seolah-olah Autoriti telah dinamakan di dalamnya atau adalah suatu pihak kepadanya sebagai ganti Kerajaan.

BAHAGIAN VIII

AM

Tahun kewangan dan piawaian perakaunan Autoriti.

60. (1) Tahun kewangan Autoriti hendaklah bermula pada 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember pada setiap tahun.

(2) Setakat yang boleh untuk mencapai matlamat-matlamatnya, Autoriti hendaklah menyelenggarakan akaun dan rekod menurut piawaian perakaunan yang digunakan oleh Autoriti.

Audit.

61. (1) Akaun-akaun Autoriti hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang baik reputasinya dan mempunyai pengalaman antarabangsa yang diiktiraf dalam mengaudit institusi-institusi kewangan antarabangsa utama dan yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seseorang juruaudit, yang akan dilantik bagi tempoh tidak lebih dari 5 tahun oleh Autoriti.

(2) Jika akaun-akaun Autoriti telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah ceraian (1)(b), akaun-akaun yang disebut dalam ceraian itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum ia dikemukakan kepada Menteri menurut bab 62(1).

Penyediaan dan penyiaran penyata kewangan dan laporan tahunan.

62. (1) Autoriti hendaklah, dalam masa 3 bulan dari penutup tahun kewangannya, mengemukakan kepada Menteri —

(a) satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit; dan

(b) suatu laporan oleh lembaga mengenai kerja Autoriti sepanjang tahun kewangan itu.

(2) Autoriti hendaklah, dalam masa 3 bulan dari penutup tahun kewangan itu, menghadapkan penyata kewangan dan laporan tersebut kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Penyata kewangan dan laporan tersebut hendaklah disiarkan oleh Autoriti, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dalam masa 4 bulan dari penutup tahun kewangannya.

Belanjawan.

63. (1) Autoriti hendaklah menyediakan belanjawan tahunannya, yang akan diluluskan oleh lembaga, sebelum bermulanya setiap tahun kewangan.

(2) Belanjawan yang diluluskan itu hendaklah dimaklumkan oleh Autoriti kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Menteri.

(3) Semua unjuran hasil dan pendapatan yang akan dijana oleh Autoriti atau diberikan kepada Autoriti dari apa-apa sumber bersama dengan unjuran perbelanjaan, termasuk susut nilai dan peruntukan bagi kerugian, hendaklah dilaporkan dalam belanjawan tahunan.

Hak keutamaan.

64. (1) Autoriti hendaklah mempunyai hak keutamaan taraf pertama tanpa syarat untuk menyelesaikan setiap tuntutannya yang timbul daripada perlaksanaan tugas-tugasnya dari apa-apa baki tunai, sekuriti dan aset lain yang dipegang oleh Autoriti bagi akaun penghutang yang berkenaan, sama ada sebagai kolateral untuk menjamin tuntutannya atau pun selainnya, pada masa tuntutan tersebut menjadi genap masanya dibayar dan kena dibayar.

(2) Autoriti boleh menggunakan hak keutamaannya hanya dengan menguntukkan baki tunai sebagai pampasan dan dengan menjual sekuriti dan aset lain tanpa kelengahan yang tidak sepatutnya dan pada harga yang munasabah dan membayar sendiri dari hasil penjualan itu selepas menolak darinya kos yang berhubungkait dengan penjualan itu.

(3) Tiada prosiding undang-undang dan tiada tuntutan persaingan boleh dibenarkan untuk melengahkan Autoriti dalam menggunakan hak keutamaannya menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Kekebalan semua aset yang diurus oleh Autoriti.

65. (1) Tiada penahanan atau perlaksanaan boleh dikeluarkan terhadap Autoriti atau hartanya, termasuk emas, hak ambilan istimewa, matawang, kredit, deposit atau sekuriti dan apa-apa hasilnya, sebelum penghakiman muktamad dikeluarkan dalam sebarang prosiding undang-undang yang dibawa di hadapan mana-mana mahkamah.

(2) Autoriti boleh, seluruhnya atau sebahagiannya, mengetepikan perlindungan ini, dengan nyata dan secara bertulis, kecuali bagi emasnya dan hak ambilan istimewa.

Kuasa untuk melantik wakil.

66. (1) Autoriti boleh, dengan suratcara yang dibubuh dengan meterai biasanya, melantik seseorang (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam) untuk menjadi wakilnya.

(2) Orang yang dilantik itu boleh, tertakluk kepada suratcara itu, melakukan apa-apa perbuatan atau melaksanakan sebarang kuasa atau tugas yang dia dibenarkan oleh suratcara itu untuk melakukan atau melaksanakannya.

Kesahan perbuatan dan transaksi Autoriti.

67. Kesahan sesuatu perbuatan atau transaksi Autoriti tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas alasan bahawa sebarang peruntukan Perintah ini telah tidak dipatuhi.

Jaminan oleh Kerajaan.

68. Kerajaan hendaklah bertanggungjawab bagi pembayaran semua wang yang genap masanya dibayar oleh Autoriti.

Pesalah korporat dan persatuan yang tidak diperbadankan.

69. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seseorang pegawai badan korporat itu, maka dia dan juga badan korporat itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika urusan badan korporat itu diurus oleh ahli-ahlinya, ceraian (1) hendaklah dikenakan berkenaan dengan perbuatan dan keingkaran seseorang ahli berhubung dengan tugas-tugas pengurusannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah badan korporat itu.

(3) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu perkongsian terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, rakan kongsi, maka rakan kongsi dan juga perkongsian itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu perkongsian tanggungan berhad terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, rakan kongsi atau pengurus perkongsian tanggungan berhad itu, maka rakan kongsi atau pengurus itu (mengikut mana yang berkenaan) dan juga perkongsian itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(5) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu persatuan yang tidak diperbadankan (selain daripada suatu perkongsian) terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seseorang pegawai persatuan yang tidak diperbadankan itu atau seseorang ahli badan pentadbirnya, maka pegawai atau ahli itu (mengikut mana yang berkenaan) dan juga persatuan yang tidak diperbadankan itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(6) Dalam bab ini —

“pegawai” —

(a) berkenaan dengan suatu badan korporat, bermakna seseorang pengarah, ahli jawatankuasa pengurusan, ketua eksekutif, pengurus,

setiausaha atau pegawai lain badan korporat itu yang seumpamanya, dan termasuk seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut; atau

(b) berkenaan dengan suatu persatuan yang tidak diperbadankan (selain daripada suatu perkongsian), bermakna presiden, setiausaha atau seseorang ahli jawatankuasa persatuan yang tidak diperbadankan itu atau seseorang yang memegang suatu kedudukan yang seakan-akan sama dengan kedudukan presiden, setiausaha atau ahli suatu jawatankuasa, dan termasuk seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut;

“rakan kongsi”, berkenaan dengan suatu perkongsian, termasuk seseorang yang dikatakan bertindak sebagai rakan kongsi.

(7) Autoriti boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan sebarang peruntukan bab ini, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian, kepada mana-mana badan korporat atau persatuan yang tidak diperbadankan yang ditubuhkan atau diiktiraf di bawah undang-undang sesebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam.

Pendakwaan kesalahan.

70. Tiada pendakwaan berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan persetujuan secara bertulis Pendakwa Raya.

Perwakilan Autoriti dalam prosiding sivil.

71. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis —

(a) dalam sebarang prosiding sivil oleh atau terhadap Autoriti; atau

(b) dalam sebarang prosiding sivil lain di mana Autoriti dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang dibenarkan oleh Autoriti bagi maksud itu boleh hadir atau membuat sebarang permohonan dan melakukan apa-apa perbuatan berkaitan dengan sebarang prosiding tersebut bagi pihak Autoriti.

Bidang kuasa.

72. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan di bawah Perintah ini.

Kesan utama.

73. Sekiranya suatu percanggahan timbul dari peruntukan-peruntukan Perintah ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan perjalanan kuasa-kuasa dan perlaksanaan tugas-tugas Autoriti, maka peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dipakai.

Komposisi kesalahan.

74. (1) Autoriti boleh, atas budibicaranya, mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun dengan memungut daripada seseorang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi separuh dari denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

(2) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

(3) Autoriti boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

(4) Semua jumlah wang yang dipungut di bawah bab ini hendaklah dibayar kepada Autoriti.

Bayaran yang dipungut hendaklah dibayar ke dalam dana Autoriti.

75. Semua bayaran yang dipungut oleh Autoriti di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain hendaklah dibayar ke dalam dana Autoriti.

Pindaan Jadual.

76. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual-Jadual.

Peraturan-peraturan.

77. (1) Autoriti boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan

melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan apa-apa bayaran atau perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Kuatkuasa Perintah ini tidak menjaskan S 16/2004.

78. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menjaskan kuatkuasa Perintah Matawang, 2004.

Pindaan berbangkit dan berkaitan kepada undang-undang bertulis lain.

79. Peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua adalah dipinda dengan cara yang dinyatakan dalam ruang kedua.

JADUAL PERTAMA

(bab 56(1))

SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS

Perintah Anti-Pembersihan Wang Haram, 2000 (S 44/2000);
Akta Anti-Pengganasan (Kewangan dan Langkah Lain) (Penggal 197);
Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006);
Akta Syiling (Import dan Eksport) (Penggal 33);
Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil), 2000 (S 52/2000);
Akta Syarikat Kewangan (Penggal 89);
Perintah Sewa Beli, 2006 (S 44/2006);
Perintah Insurans, 2006 (S 48/2006);
Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000);
Perintah Syarikat Perniagaan Antarabangsa, 2000 (S 56/2000);
Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002);
Perintah Perkongsian Berhad Antarabangsa, 2000 (S 45/2000);
Perintah Amanah Antarabangsa, 2000 (S 55/2000);
Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);
Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Penggal 174);
Akta Pemberi Pinjaman Wang (Penggal 62);
Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Risiko Pihak Ketiga) (Penggal 90);
Perintah Dana Bersama, 2001 (S 18/2001);

Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 (S 60/2002);

Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000);

Perintah Sekuriti, 2001 (S 31/2001);

Perintah Takaful, 2008 (S 100/2008).

JADUAL KEDUA

(bab 79)

**PINDAAN BERBANGKIT DAN BERKAITAN
KEPADА UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN**

RUANG PERTAMA

RUANG KEDUA

(1) Perintah Anti-Pembersihan Wang Haram, 2000 (S 44/2000)

Bab 2

Dengan memasukkan selepas takrifan “pemohon perniagaan” dalam ceraian (1) takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010.”.

Semua bab yang berkenaan

Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(2) Akta Anti-Penganasan (Kewangan dan Langkah Lain) (Penggal 197)

Bab 2

Dengan memasukkan sebelum takrifan “dana” dalam ceraian (1) takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010.”.

Semua bab yang berkenaan

Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(3) Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006)

Bab 2

Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 3

Dengan memansuhkan bab 3.

(4) Akta Perjanjian Bretton Woods (Penggal 176)

Bab 2

Dengan memotong takrifan “pihak berkuasa kewangan Negara Brunei Darussalam” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut –

“ “pihak berkuasa kewangan Negara Brunei Darussalam” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

(5) Akta Syarikat Kewangan (Penggal 89)

Bab 2

Dengan memasukkan selepas takrifan “juruaudit”, takrifan baru yang berikut –

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 26

Dengan memotong ceraian (6).

Bab 29

Dengan memotong bab 29 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut –

“Tanggung rugi.

29. Kerajaan atau Autoriti, atau mana-mana pegawai Kerajaan atau Autoriti, tidaklah tertakluk kepada sebarang tindakan, tuntutan atau permintaan oleh atau liabiliti kepada mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa juga yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan atau dalam menyempurnakan atau dengan tujuan menyempurnakan atau berhubung dengan penyempurnaan sebarang kuasa yang diberikan kepada Kerajaan, Autoriti, atau mana-mana pegawai Kerajaan atau Autoriti oleh Akta ini.”.

Bab 42 Dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh” dalam ceraian-ceraian (1) dan (2) dan menggantikannya dengan “Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,” dalam setiap hal.

Semua bab yang berkenaan,
kecuali bab 38(2) Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(6) Perintah Sewa Beli, 2006 (S 44/2006)

Bab 2 Dengan memasukkan selepas takrifan “tindakan”, takrifan baru yang berikut,—

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Semua bab yang berkenaan Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(7) Perintah Insurans, 2006 (S 48/2006)

Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 4 Dengan memansuhkan bab 4.

Semua bab yang berkenaan Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(8) Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000)

Bab 2	Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
Bab 14	Dengan memotong ceraian (2).
Semua bab yang berkenaan, kecuali bab 25(5)	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(9) Perintah Syarikat Perniagaan Antarabangsa, 2000 (S 56/2000)

Bab 2	Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(10) Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/2002)

Bab 2	Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(11) Perintah Perkongsian Berhad Antarabangsa, 2000 (S 45/2000)

- Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —
“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
- Semua bab yang berkenaan Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(12) Perintah Amanah Antarabangsa, 2000 (S 55/2000)

- Bab 2 Dengan memasukkan selepas takrifan “amanah tujuan yang dibenarkan” dalam bab 2 takrifan baru yang berikut —
“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
- Semua bab yang berkenaan Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(13) Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008)

- Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —
“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

- Bab 3 Dengan memansuhkan bab 3.

(14) Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Penggal 174)

- Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 4	Dengan memansuhkan bab 4.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(15) Akta Pemberi Pinjaman Wang (Penggal 62)

Bab 2	Dengan memasukkan sebelum takrifan “pemberi pinjaman wang” takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
	Dengan memotong perkataan-perkataan “bab 4 dari Akta Perbankan” dalam proviso kepada ceraian (1) dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan “bab 4 atau 23 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006)”.

Bab 3	Dengan memotong “Setiausaha Kerajaan” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan “Autoriti”.
-------	--

Bab 7	Dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat” dan menggantikannya dengan “Autoriti”.
-------	---

(16) Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Risiko Pihak Ketiga) (Penggal 90)

Bab 2	Dengan memasukkan sebelum takrifan “Pesuruhjaya Polis” takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
-------	---

Bab 23	Dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat” dan menggantikannya dengan “Autoriti”.
Bab 25	Dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat” dan menggantikannya dengan “Autoriti”.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(17) Perintah Dana Bersama, 2001 (S 18/2001)

Bab 2	Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut – “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
Bab 28	Dengan memasukkan, selepas “pegawai kerajaan” dalam ceraian (4), “atau seseorang pegawai Autoriti”.
Bab 31	Dengan memotong “selepas berunding dengan Menteri,” dalam perenggan (c).
Bab 33	Dengan memotong ceraian (1)(b)(ii).
	Dengan memotong “Menteri atau” dalam ceraian (1)(b)(iv).
Bab 43	Dengan memotong “selepas berunding dengan Autoriti”.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(18) Perintah Pemegang Pajak Gadai, 2002 (S 60/2002)

Bab 2 Dengan memasukkan sebelum takrifan “*Hukum Syara*” dalam ceraian (1) takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 7 Dengan memotong “seseorang pegawai kerajaan” dalam ceraian (1) dan menggantikannya dengan “seseorang pegawai”.

Semua bab yang berkenaan Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(19) Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000)

Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Semua bab yang berkenaan, kecuali bab 55(4) Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

(20) Perintah Sekuriti, 2001 (S 31/2001)

Bab 2 Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.

Bab 7 Dengan memotong “, dengan kebenaran Menteri.”.

Bab 12	Dengan memotong “Menteri” dalam ceraian {1}. Dengan memotong “, selepas berunding dengan Menteri,” dalam ceraian {3}. Dengan memotong “, selepas berunding dengan Menteri,” dalam ceraian {4}.
Bab 13	Dengan memotong “berunding dengan Menteri dan” dalam ceraian {4}.
Semua bab yang berkenaan, kecuali bab-bab 15(3), 15(4) dan 32	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.
<p>(21) Perintah Takaful, 2008 (S 100/2008)</p>	
Bab 2	Dengan memotong takrifan “Pihak Berkuasa” dalam ceraian {1} dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut — “ “Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010;”.
BAHAGIAN II	Dengan memotong BAHAGIAN II.
Semua bab yang berkenaan	Dengan memotong “Menteri” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan menggantikannya dengan “Autoriti” dalam setiap hal.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Muhamarram, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 14 haribulan Disember, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM